

*Ulasan Artikel*

**Menyingkap Mekanisme Kawalan Sosial: Kajian Literatur Komprehensif tentang Pemulihan Penyalahgunaan Dadah di Malaysia**

(*Unveiling the Mechanism of Social Control: A Comprehensive Literature Review on Drug Addiction Recovery in Malaysia*)

Julie Tay Gek Hsia\*

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [julietyl.gh@gmail.com](mailto:julietyl.gh@gmail.com)

Diserah: 11 Mac 2024

Diterima: 25 Julai 2024

**Abstrak:** Mekanisme kawalan sosial adalah penting dalam menangani isu penyalahgunaan dadah, bukan sahaja untuk mencegah penggunaan dadah, tetapi juga untuk menyokong individu dalam perjalanan mereka ke arah pemulihan. Oleh itu, artikel ini membincangkan mekanisme kawalan sosial dalam menangani fenomena penyalahgunaan dadah serta membantu perjalanan pengguna ke arah pemulihan di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah analisis kandungan, yang melibatkan penggunaan data daripada pelbagai sumber termasuk jurnal, artikel, dan bab dalam buku. Perbincangan kajian mendapati mekanisme dan insentif kawalan sosial mampu membantu pemulihan jangka panjang dan mencegah relaps sekiranya agen-agen kawalan sosial memainkan peranan yang tinggi. Dalam hal ini, kawalan sosial persuasif dan koersif sebagai mekanisme dan hukuman, serta insentif sebagai instrumen, sering digunakan untuk membentuk tingkah laku positif agar selari dengan nilai dan norma masyarakat. Agen-agen kawalan sosial seperti rakan, keluarga, masyarakat, penguatkuasa, sistem perundangan, dan agensi perkhidmatan sosial memainkan peranan penting dalam menggalakkan pemulihan yang kekal serta mencegah relaps. Oleh hal yang demikian, artikel ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang potensi kawalan sosial sebagai mekanisme untuk menyokong pemulihan daripada penyalahgunaan dadah di Malaysia, serta menekankan kepentingan sistem sokongan yang kuat dalam membantu individu mengekalkan tingkah laku positif dan mengelakkan relaps.

**Kata kunci:** Penyalahgunaan dadah; pemulihan; kawalan sosial; persuasif; koersif; relaps

**Abstract:** Social control mechanisms are important for addressing drug abuse issues, not only to prevent drug use, but also to support individuals on their path to recovery. Therefore, this article discusses the mechanism of social control in dealing with the phenomenon of drug abuse, as well as aiding users in their journey towards recovery in Malaysia. This study employs a qualitative and content analysis approach, utilising data from various sources, including journals, articles, and book chapters. The discussion of the study found that social control mechanisms and incentives can support long-term recovery and prevent relapse when social control agents play a significant role. In this regard, persuasive and coercive social control, as mechanisms, and sanction, as well as incentives, as instruments, are often used to promote positive behaviour in alignment with societal values and norms. These are enforced by social control agents such as friends, family, community, law enforcement, legislative systems, and social service agencies. These agents work collaboratively to encourage recovery and prevent relapse. Hence, this article contributes to a better understanding of the

potential of social control as a mechanism to support recovery from drug abuse in Malaysia. It also emphasizes the importance of a robust support system in helping individuals maintain positive behaviours and avoid relapse.

**Keywords:** Drug abuse; recovery; social control; persuasive; coercive; relapse

## Pengenalan

Penyalahgunaan dadah merupakan fenomena sosial yang tidak asing lagi di Malaysia. Terletak sebagai titik transit penting untuk aktiviti pengedaran dadah antara Segi Tiga Emas dan negara jiran Asia Tenggara, Malaysia bergelut bukan sahaja dengan kebimbangan kesihatan segera yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah, tetapi juga dengan implikasi yang meluas terhadap kadar jenayah dan kestabilan masyarakat secara keseluruhan (Amer, 2022). Jika dibiarkan, fenomena ini berpotensi menghakis fabrik sosial, merenggangkan hubungan interpersonal, dan menjelaskan kestabilan politik serta ekonomi (Zarina et al., 2015).

Sehubungan itu, sebagai tindak balas kepada aspirasi Dasar Dadah Kebangsaan untuk menuju masyarakat bebas dadah, kerajaan telah giat memerangi penyalahgunaan dadah selama beberapa dekad. Walaupun usaha berterusan dilaksanakan, isu ini telah menemui jalan buntu, seperti yang terbukti dalam statistik pengguna dadah yang semakin meningkat setiap tahun (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2022). Rentetan daripada itu, pelbagai program pencegahan, rawatan, dan inisiatif telah dibangunkan untuk membantu pengguna dadah kekal pulih dengan menyediakan sokongan kepada individu dalam pusat pemulihan, kumpulan sokongan rakan sebaya, perkhidmatan kaunseling, dan lain-lain. Kewujudan Program seperti Modul Pengubahsuaian Corak Pemikiran (PCP), Program Seni Jauhi Dadah (SEJADAH), Program PINTAR, SHEILDS, *Family on Alert, Tomorrows Leaders*, dan TEKAD, misalnya adalah antara langkah proaktif kerajaan bagi membendung isu ini (Agensi Antidadah Kebangsaan, t.t). Walau bagaimanapun, keberkesanan program ini sangat bergantung pada tahap kawalan sosial dalam persekitaran individu, seperti yang ditekankan dalam penyelidikan oleh Rokiah (2006), Jaidin (2020), dan Fauziah et al. (2017).

Selaras dengan itu, kawalan sosial berperanan penting dalam mencegah penyimpangan sosial serta mengarahkan manusia untuk bertingkah laku mengikut norma dan nilai dalam sesebuah masyarakat (Syam et al., 2020; Muhammad Izzuddin & Nur Hafizah, 2020). Tambah Siahaan (2009), kawalan sosial ialah satu cara menangani tingkah laku yang dianggap melanggar norma sosial dengan tujuan meluruskan anggota masyarakat yang berperilaku menyimpang melalui keluarga, rakan sebaya, masyarakat, institusi agama, dan pihak penguatkuasa. Dalam pada itu, teori kawalan sosial menjelaskan bahawa kawalan sosial secara formal dan tidak formal berperanan penting dalam mencegah masalah penyalahgunaan dadah dan menggalakkan individu untuk kekal pulih (Putranto & Suyatmi, 2015; Eliza, 2018; Wu et al., 2021). Hal ini jelas dinyatakan oleh Lik (2019), Idris dan Mariamdaran (2020), Wan Shahrazad et al. (2021), Amin Al Haadi et al. (2022), dan pengkaji yang lain, yang turut menyatakan bahawa kawalan sosial melalui sokongan daripada keluarga, rakan-rakan, dan masyarakat memberi motivasi kepada bekas penyalahgunaan dadah untuk tidak relaps dan kekal pulih.

Walau bagaimanapun, terdapat jurang yang ketara dalam penyelidikan mengenai mekanisme kawalan sosial dalam konteks penyalahgunaan dadah di Malaysia. Oleh itu, makalah ini menumpukan kepada pemahaman mengenai mekanisme dan alat kawalan sosial yang bertujuan untuk mencegah relaps dalam kalangan individu yang telah atau sedang menjalani rawatan untuk penyalahgunaan dadah di Malaysia. Untuk menangani isu ini, adalah penting untuk memperoleh pemahaman yang mendalam tentang konsep kawalan sosial, yang berfungsi sebagai asas untuk memahami cabaran yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah di negara ini.

## Metodologi

### 1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan analisis kandungan kualitatif sebagai kaedah utama. Pemilihan kaedah ini membolehkan pengkaji membuat inferens yang boleh dipercayai dan sah dengan mentafsir kandungan data teks melalui proses pengelasan pengekodan yang sistematik dan mengenal pasti tema (Hsieh & Shannon, 2005). Oleh itu, penyelidik dapat membuat kesimpulan yang tepat berdasarkan tema-tema utama seperti penyalahgunaan dadah, mekanisme kawalan sosial, dan peranan agen.

Bagi menjawab objektif kajian, pendekatan pengekodan induktif telah digunakan. Hal ini kerana analisis kandungan kualitatif melibatkan proses menukar data mentah kepada kategori atau tema berdasarkan tafsiran yang sah (Ma & Fan, 2022). Tema yang dikenal pasti dalam kajian ini termasuk “penyalahgunaan dadah”, yang memberi tumpuan kepada mencari jenis sokongan atau program-program yang dijalankan untuk membantu individu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah; “mekanisme kawalan sosial”, yang mengkaji mekanisme kawalan sosial dalam masyarakat yang mengawal tingkah laku individu; dan “peranan agen kawalan sosial”, yang memberi tumpuan kepada kepentingan sistem sokongan agen terhadap pemulihan individu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

### 2. Pengumpulan Data

Dalam menjalankan kajian ini, data dikumpulkan secara sistematik daripada pelbagai sumber untuk memastikan analisis yang komprehensif dan mantap. Data diperolehi dan dikumpul melalui pelbagai bahan bertulis seperti dokumen, buku, tesis, jurnal, kertas seminar, dan berita dalam talian. Kajian ini dibantu dengan akses pangkalan data secara atas talian daripada *Google Scholar*, *ResearchGate*, dan *Academia*. Selain itu, data turut diperolehi daripada laman web rasmi kerajaan seperti Agensi Antidadah Kebangsaan dan Jabatan Penjara Malaysia.

Sehubungan dengan itu, pencarian maklumat adalah menggunakan kata kunci seperti kawalan sosial, penyalahgunaan dadah, kekal pulih, relaps, dan lain-lain yang berkaitan dengan objektif kajian. Penggunaan kata kunci yang berfokus adalah penting bagi memastikan pencarian sumber selari dengan objektif makalah ini. Hasil daripada proses pengumpulan data secara menyeluruh, sebanyak 68 artikel telah dianalisis. Analisis ini merangkumi 58 artikel jurnal daripada pelbagai disiplin ilmu seperti sosiologi, psikologi, pendidikan, dan perubatan. Antara jurnal yang dirujuk adalah seperti Jurnal Antidadah Kebangsaan, e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, *Open Addiction Journal*, *Journal of Drug Issues*, Jurnal Psikologi Malaysia, dan lain-lain. Selain itu, daripada 10 sumber data, satu adalah laporan tahunan; satu daripada akhbar atas talian; tiga daripada buku; tiga daripada laman rasmi kerajaan; dan dua daripada seminar. Secara keseluruhannya, sumber-sumber ini telah membentuk kesimpulan dalam makalah ini yang memberikan gambaran secara komprehensif berkenaan mekanisme kawalan sosial dan isu penyalahgunaan dadah.

Jadual 1. Sumber data

Kategori	Keterangan	Jumlah
Artikel jurnal	Jurnal Antidadah Kebangsaan, e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, <i>Open Addiction Journal</i> , <i>Journal of Drug Issues</i> , Jurnal Psikologi Malaysia, dan lain-lain	58
Sumber data tambahan	Laporan tahunan, akhbar atas talian, buku, laman rasmi kerajaan, dan seminar	10

### 3. Data Analisis

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis peranan mekanisme kawalan sosial dalam menangani isu penyalahgunaan dadah dan menyokong individu dalam pemulihan di Malaysia. Analisis adalah berdasarkan semakan menyeluruh literatur sedia ada, termasuk jurnal, artikel, dan bab dalam buku untuk memahami keberkesanannya pelbagai mekanisme kawalan sosial dan peranan agen kawalan sosial yang berbeza.

Sehubungan dengan itu, pengkaji mula dengan membaca serta mengenal pasti kata kunci yang digunakan dalam prosedur mencari bahan rujukan. Data kemudiannya telah dikod secara sistematik untuk mengenal pasti maklumat khusus berkaitan dengan mekanisme kawalan sosial, seperti kaedah persuasif dan paksaan, hukuman dan insentif, serta sistem sokongan. Selepas pengekodan data dilakukan, penyelidik mengenal pasti tema-tema utama yang diperoleh daripada data yang dikod. Tema-tema tersebut penyalahgunaan dadah, mekanisme kawalan sosial, dan peranan agen kawalan sosial (rujuk Jadual 2).

Jadual 2. Pengelasan mengikut tema

<b>Tema</b>	<b>Sub-tema</b>	<b>Huraian</b>
Penyalahgunaan dadah	Jenis sokongan	Inisiatif atau program yang dijalankan bagi membantu individu yang bergelut dengan penyalahgunaan dadah.
	Persuasif	Melibatkan perbuatan yang meyakinkan seseorang untuk mengubah kepercayaan atau tingkah laku mereka melalui komunikasi dan pengaruh.
	Koersif	Melibatkan penggunaan ancaman dan hukuman untuk menghalang tingkah laku yang menyimpang.
	Hukuman	Hukuman biasanya digunakan sebagai satu bentuk pencegahan, dengan matlamat menghalang individu daripada terlibat dalam tingkah laku yang dianggap tidak diingini secara sosial.
	Insentif	Ganjaran atau peneguhan positif yang diberikan kepada individu untuk menggalakkan tingkah laku yang diingini.
	Peranan	Tugas dan tanggungjawab agen kawalan sosial dalam mengurus dan mencegah penyalahgunaan dadah.
Mekanisme kawalan sosial	Fungsi	Tindakan dan tugas yang dilakukan oleh agen kawalan sosial untuk menguatkuasakan peraturan dan menyokong individu.
	Keberkesanan pelaksanaan	Langkah-langkah yang memastikan sistem sokongan digunakan secara cekap untuk membantu individu yang bergelut dengan penyalahgunaan dadah.
Peranan agen kawalan sosial		

Jadual 2 menunjukkan pengekodan tema mengikut kategori dalam kajian berkaitan dengan mekanisme kawalan sosial. Pembahagian data mengikut tema dan subtema ini penting agar pengkaji dapat memahami pelbagai dimensi mekanisme kawalan sosial serta sistem sokongan agen yang terlibat dalam menangani isu penyalahgunaan dadah. Seterusnya, interpretasi data dilakukan dengan mentafsir corak dalam setiap tema dan menilai sama ada corak tersebut menjawab soalan dan objektif kajian. Berdasarkan data yang telah dianalisis, pengkaji membuat kesimpulan mengenai mekanisme kawalan sosial dalam menyokong pemulihan daripada penyalahgunaan dadah di Malaysia. Perbincangan melibatkan keberkesanan mekanisme yang berbeza dan kepentingan usaha kolaboratif dalam kalangan agen kawalan sosial.

## Hasil Kajian dan Perbincangan

### 1. Konsep Kawalan Sosial

Kawalan sosial ialah kajian tentang mekanisme dalam bentuk pola tekanan, di mana masyarakat dapat mengekalkan ketertiban dan perpaduan sosial (Soerjoeno Soekanto, 2007). Dalam erti kata lain, kawalan sosial adalah satu mekanisme untuk mencegah penyimpangan sosial agar manusia bertingkah laku mengikut norma dan nilai sesebuah masyarakat (Syam et al., 2020). Kawalan sosial yang baik dapat mengubah ahli masyarakat yang berperilaku menyimpang. Hal ini kerana kawalan sosial merupakan cara atau proses yang dilakukan oleh sekumpulan manusia atau masyarakat untuk memastikan setiap ahli atau individu berperilaku sesuai dengan norma dan nilai sosial masyarakat (Siti Waridah & J.Sukardi, 2003). Hal ini selari dengan penjelasan Horton dan Chester (2000), yang menyatakan bahawa kawalan sosial adalah proses yang dilalui oleh sekumpulan individu atau masyarakat supaya mereka berperilakuan sesuai dengan nilai dan norma masyarakat yang didiami.

Dalam pada itu, terdapat dua jenis institusi kawalan sosial yang bertindak untuk mengawal dan mempengaruhi tingkah laku individu, iaitu kawalan sosial formal dan tidak formal (Setiadi & Kolip, 2011). Kawalan sosial formal terdiri daripada institusi rasmi seperti agensi polis, institusi mahkamah, dan institusi

pendidikan. Ini merujuk kepada penggunaan undang-undang, peraturan, dan peraturan formal untuk mengawal tingkah laku masyarakat. Contoh agen kawalan sosial formal ialah pegawai polis, mahkamah, dan penjara. Kawalan sosial formal biasanya dikuatkuasakan oleh kerajaan atau badan pentadbiran lain. Sebaliknya, kawalan sosial tidak formal merujuk kepada cara individu dan kumpulan dalam sesebuah masyarakat mengawal tingkah laku secara tidak formal melalui norma, nilai, adat, kepercayaan, dan lain-lain. Kawalan sosial tidak formal sering dikuatkuasakan melalui tekanan sosial, seperti gosip, ejekan, atau pengasingan, dan dilakukan oleh ahli keluarga, rakan, jiran, sekolah, media massa, dan masyarakat. Proses ini tidak disokong oleh undang-undang atau peraturan rasmi. Sehubungan dengan itu, Hirschi (1969) berpendapat bahawa kedua-dua kawalan sosial formal dan tidak formal adalah perlu untuk mengawal ketenteraman sosial dan mencegah tingkah laku menyimpang (Costello & Laub, 2019). Ringkasnya, kawalan sosial formal memberikan kesan pencegahan dengan menganjurkan hukuman bagi tingkah laku menyimpang, manakala kawalan sosial tidak formal menggalakkan pematuhan melalui sosialisasi dan pengaruh sosial (Rokiah, 2002).

Di samping itu, kawalan sosial yang mengatur tingkah laku masyarakat agar mengikuti norma dan nilai sering dikaitkan dengan kekuatan hukuman atau pemberian insentif kepada individu. Hukuman (*sanction*) dalam sosiologi merujuk kepada tindakan yang dikenakan ke atas individu yang melanggar atau menyimpang daripada norma sosial, dengan tujuan untuk memastikan masyarakat tidak melakukan pelanggaran norma tersebut (Setiadi & Kolip, 2011). Terdapat tiga jenis hukuman yang digunakan dalam usaha melaksanakan kawalan sosial: (1) hukuman berbentuk fizikal; (2) hukuman berbentuk psikologi; dan (3) hukuman berbentuk ekonomi (Narwoko & Bagong, 2019). Secara praktikal, ketiga-tiga jenis hukuman ini sering dihadapi oleh individu secara serentak dan tidak boleh dipisahkan. Sebagai contoh, apabila seseorang didapati bersalah oleh hakim dan dijatuhi hukuman penjara, individu tersebut mengalami hukuman fizikal melalui kehilangan kebebasan, hukuman psikologi melalui rasa malu atau kehilangan harga diri, dan hukuman ekonomi melalui kehilangan sumber pendapatan.

Selain itu, kawalan sosial turut mempraktikkan penggunaan insentif positif sebagai sokongan berkesan untuk mengawal tingkah laku yang baik. Insentif, seperti hukuman, juga dibahagikan kepada tiga jenis: (1) insentif fizikal; (2) insentif psikologi; dan (3) insentif ekonomi. Insentif berbentuk fizikal adalah seperti berjabat tangan, pelukan, dan ciuman. Insentif berbentuk psikologi berupa penghargaan dan pengiktirafan terhadap tingkah laku positif manakala insentif ekonomi sering dikaitkan dengan pemberian hadiah seperti wang berdasarkan prestasi yang memberangsangkan (Setiadi & Kolip, 2011). Menurut Koentjoronginrat (dalam Setiadi & Kolip, 2011), terdapat lima fungsi kawalan sosial yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat. Pertama, menguatkan keyakinan masyarakat setempat terhadap kebaikan nilai dan norma kemasyarakatan. Kedua, memperkuuhkan proses pendidikan di sekolah. Ketiga, memberikan penghargaan serta pengiktirafan kepada anggota masyarakat yang taat kepada norma dan nilai. Keempat, menimbulkan rasa takut terhadap risiko yang bakal dihadapi jika membuat kesalahan. Akhir sekali, mencipta sistem hukumanan ke atas perbuatan yang dilakukan. Secara keseluruhannya, fungsi kawalan sosial ini mampu menyumbang kepada pengekalan ketenteraman sosial dan perpaduan dalam komuniti.

## 2. Pendekatan Persuasif dalam Pemulihan

Mekanisme kawalan sosial, khususnya yang berbentuk persuasif, memainkan peranan penting dalam membantu individu mengekalkan pemulihan daripada ketagihan dan mengelakkan relaps. Pendekatan *Interviewing Motivation* (MI) misalnya, menggabungkan pendekatan kerjasama, empati, penerimaan, dan lain-lain, yang mampu membina motivasi intrinsik untuk membuat perubahan (Miller & Rollnick, 2013). Hasil dapatan kajian oleh Zulkhairi dan Mahmood (2007) mendapat terdapat perkaitan yang signifikan antara kekerapan individu menghadiri sesi kaunseling dengan keberkesanannya program kaunseling yang dijalankan. Menurut kajian tersebut, semakin kerap penghuni bertemu kaunselor untuk menjalani sesi kaunseling, semakin kukuh dan tinggi tahap kepercayaan yang terjalin antara penghuni dan kaunselor. Kepercayaan ini seterusnya mendorong individu untuk lebih berusaha membebaskan diri dan kekal pulih daripada penyalahgunaan dadah.

Di samping itu, mekanisme persuasif melalui sokongan sosial turut mempengaruhi individu untuk kekal dalam proses pemulihan. Kajian oleh Andi et al. (2022) menyatakan bahawa komunikasi yang efektif

serta sokongan daripada keluarga memainkan peranan penting dalam proses pemulihan di rumah. Sokongan berterusan daripada ahli keluarga membantu bekas pengguna dadah mengatasi keinginan untuk menggunakan bahan terlarang, selain membuatkan mereka merasa dihargai dan diterima, sekali gus mempengaruhi proses pemulihan yang berterusan (Wu et al., 2021; Shafie et al., 2022). Sebagai contoh, pemberian insentif dan puji oleh keluarga mampu mewujudkan persekitaran yang menyokong proses pemulihan melalui ganjaran terhadap tingkah laku positif. Beberapa kajian turut menyatakan bahawa sokongan keluarga melalui pemberian ganjaran atau penghargaan berjaya mempengaruhi bekas pengguna dadah untuk kekal pulih (Imam & Suryano, 2018; Muhammad Khairi & Azlina, 2021). Pemberian ganjaran juga mampu menghalang kanak-kanak daripada melakukan perkara yang tidak wajar kerana mereka terdorong untuk melaksanakan tugas atau arahan daripada pemberi ganjaran (Kotaman, 2016). Sementelah lagi, Hendra et al. (2022) turut menjelaskan bahawa keharmonian keluarga memainkan peranan penting dalam memastikan bekas pengguna dadah membuat keputusan untuk kekal pulih. Sebaliknya, kekurangan komunikasi serta konflik antara ibu bapa dan anak cenderung mendorong individu mengamalkan gaya hidup bebas yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah serta risiko relaps (Alia et al., 2016).

Selain itu, pengiktirafan dan penerimaan oleh rakan-rakan serta masyarakat turut menjadi salah satu bentuk ganjaran yang mampu mengawal tingkah laku bekas pengguna dadah. Penghargaan ini dapat meningkatkan harga diri mereka untuk terus bertingkah laku positif, selaras dengan nilai dan norma masyarakat (Knyazev, 2010; Neale & Brown, 2016). Kajian oleh Bianca dan Ria (2019) mendapati sokongan dalam bentuk penghargaan dan pengiktirafan daripada rakan-rakan mampu meningkatkan motivasi bekas pengguna dadah untuk kekal pulih selepas meninggalkan pusat pemulihan. Dalam konteks ini, sokongan rakan sebaya, yang sering mengalami cabaran kesihatan dan emosi yang serupa, dapat memberikan perspektif unik serta sokongan emosi, instrumental, dan instruktif (Badger & David, 2010). Di samping itu, kempen pendidikan dan kesedaran turut membantu mengubah tingkah laku melalui pengaruh guru, media massa, dan lain-lain. Antara kempen utama yang sering dipaparkan di media sosial, buku teks, dan papan tanda adalah seperti Perangi Dadah Habis-Habisan pada tahun 2003, Kempen Ambil Kisah Ambil Tindakan, dan Kempem Perangi Dadah Habis-Habisan 2.0 (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2016; Asmah, 2018). Kempen kesedaran ini meningkatkan pengetahuan tentang risiko ketagihan serta faedah pemulihan, sekali gus mengajak individu untuk mengikuti pemulihan dan kekal pulih. Menurut Mohamad Hafifi et al. (2021), penggunaan media sosial sebagai platform untuk meningkatkan kesedaran terhadap bahaya penyalahgunaan dadah telah menggalakkan golongan remaja menyertai program yang dianjurkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan secara sukarela. Pada masa yang sama, kempen kesedaran ini juga mampu mengurangkan stigma negatif terhadap bekas pengguna dadah serta mendorong masyarakat untuk mengambil peranan yang lebih proaktif dalam membantu mereka agar tetap kekal pulih.

Akhir sekali, penerimaan oleh masyarakat melalui peluang pekerjaan yang disediakan oleh pihak majikan kepada bekas pengguna dadah dapat membantu mereka merasa diterima dan dihargai. Penyediaan insentif dalam bentuk pekerjaan ini membantu bekas pengguna dadah menyesuaikan diri dalam proses pemulihan, mencapai kestabilan, dan menemukan tujuan hidup mereka. Sebaliknya, stigma negatif dalam masyarakat, khususnya daripada majikan yang enggan menerima bekas pengguna dadah sebagai pekerja, menyumbang kepada pengangguran dan seterusnya meningkatkan risiko relaps (Nur Diyanah & Siti Marziah, 2018; Mohd Alif et al., 2018; Mohamad Hilmi et al., 2021). Secara keseluruhannya, insentif dalam kawalan sosial boleh menjadi instrumen yang berkesan dalam memotivasi bekas pengguna dadah untuk kekal pulih melalui ganjaran yang signifikan. Kesemua ini membantu pengguna dadah dalam membina harga diri, keyakinan, dan tujuan hidup, yang menjadi komponen penting dalam kejayaan pemulihan. Hal ini demikian kerana pendekatan secara koersif (paksaan) didapati kurang berkesan dalam mencegah permasalahan ini daripada berlarutan dalam jangka masa panjang (McGovern & Carroll, 2015; Wincup, 2016).

### 3. Pendekatan Koersif dalam Pemulihan

Dalam konteks pemulihan penyalahgunaan dadah, mekanisme yang bersifat koersif (paksaan) adalah seperti penguatkuasaan undang-undang (Mohd Ibrani et al., 2011; Ismail et al., 2022), paksaan untuk memasuki pusat pemulihan (Rusniah et al., 2009; Muhd Rashid & Muhd Fa'iz, 2011; Setiyani & Keliat, 2019), dan hukuman

atau peraturan yang ditetapkan oleh ibu bapa (Cheng et al., 2010; Abu & Nunung, 2011; Vivik, 2018) bertujuan untuk membantu memulihkan pesakit dan mengelakkan relaps.

Pada realitinya, hukuman penjara yang dikenakan ke atas pesalah penyalahgunaan dadah tidak hanya berfungsi sebagai penalti untuk kesalahan yang dilakukan. Malah, ia juga berfungsi sebagai institusi kawalan sosial formal yang berperanan dalam merawat dan membimbing pesalah agar menjadi individu yang lebih bertanggungjawab setelah menjalani tempoh penjara dan kembali ke pangkuhan keluarga serta masyarakat (Jabatan Penjara Malaysia, 2012; Mohd Alif et al., 2018). Hal ini demikian kerana Program Pembangunan Insan (PPI) dalam penjara adalah antara pendekatan yang bertujuan membentuk akhlak penghuni agar mereka lebih bertanggungjawab dan produktif setelah kembali berintegrasi dengan masyarakat (Hasnizam et al., 2018). Kajian oleh Siti Jamiaah et al. (2016) mendapati bahawa modul keagamaan berkesan dalam membina konsep kendiri yang positif dalam diri banduan wanita. Hal ini selari dengan kajian oleh Johanna et al. (2016), yang menunjukkan hubungan signifikan antara konsep kendiri positif dan penyesuaian individu selepas keluar dari penjara. Jelasnya, bekas pesalah yang mempunyai keyakinan diri akan berusaha untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat setelah bebas daripada tahanan penjara.

Namun begitu, kecenderungan untuk kekal pulih tidak hanya bergantung kepada peranan bekas pesalah, tetapi juga memerlukan sokongan sosial masyarakat (keluarga, rakan-rakan, dan majikan) dengan menolak konsep penyisihan sosial (Wesselmann & Parris, 2021; Mohd Ahsani & Mohamad Irfan, 2022). Buktinya, kajian oleh pengkaji lain menunjukkan bahawa stigma atau diskriminasi masyarakat merupakan faktor utama yang menyebabkan bekas banduan kembali relaps atau mengalami residivisme (Nur Diyanah & Siti Marziah, 2018; Sheppard et al., 2020). Antara bentuk diskriminasi yang berlaku adalah, penolakan atau kekurangan sokongan daripada keluarga dan rakan-rakan (Juliana & Zhooriyati, 2020), pengganguran, dan penolakan daripada majikan (Sigurdsson et al., 2012; Mohd Alif Jasni et al., 2018; Siti Marziah et al., 2018). Oleh itu, sokongan sosial yang tinggi melalui penerimaan integrasi bekas pesalah ke dalam komuniti akan mempengaruhi motivasi individu untuk menjadi sebahagian daripada anggota masyarakat (Felson & Kreager, 2015; Carr & Stelle, 2019). Hal ini demikian kerana, bekas pesalah akan merasa diterima dan dihargai oleh keluarga, rakan-rakan, dan masyarakat tanpa dibelenggu oleh mana-mana stigma (Mayalagu et al., 2020).

Selain itu, paksaan untuk masuk ke pusat pemulihan juga merupakan cara yang baik untuk mengawal dan membantu bekas pengguna dadah agar kekal pulih dan mengelakkan relaps. Terapi kerja NBOS3 misalnya, adalah inisiatif oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan kepimpinan dalam diri pelatih di pusat pemulihan, dengan tujuan memulihkan mereka daripada kebergantungan terhadap dadah (Siti Marziah et al., 2020). Kajian oleh Idris et al. (2020) turut menunjukkan bahawa keyakinan diri bekas pengguna dadah berubah setelah mengikuti intervensi, menunjukkan keberkesanannya modul tersebut. Sementara itu, Modul Pengubahsuaian Corak Pemikiran Terapi Tingkah Laku Kognitif (PCP-TKT) dan Program Matrix dapat mengurangkan pemboleh ubah kelangsangan dalam kalangan pesakit di pusat pemulihan, di mana klien mereka mencatatkan tahap fungsi sosial yang lebih baik (Mohammad Aziz et al., 2015; Mahmood et al., 2009). Keberkesanannya sosial ini menggambarkan kemampuan individu dalam menjalin hubungan yang lebih baik, mempunyai kestabilan tempat tinggal, pengurusan konflik, dan berupaya mengekalkan pekerjaan. Penemuan ini menggariskan kesan positif modul pemulihan penyalahgunaan dadah yang mampu meningkatkan pencapaian motivasi bekas pengguna untuk kekal pulih. Menurut Shahrabadi et al. (2020), faktor pencapaian motivasi adalah penting dalam pembangunan kemanusiaan dan membawa kepada kejayaan dalam pemulihian daripada penyalahgunaan dadah.

Seterusnya, kawalan sosial koersif oleh ibu bapa juga penting, termasuk penetapan peraturan atau sempadan yang ketat, pemantauan tingkah laku anak-anak secara teliti, dan pemberian hukuman. Kajian oleh Ayu dan Eka (2022) menjelaskan bahawa terdapat empat cara kawalan sosial yang dilakukan oleh ibu bapa kepada bekas pengguna dadah selepas terjadinya penyimpangan sosial: memberi teguran secara lisan, pengawasan ketat, ancaman, dan pemberian hukuman. Keempat-empat cara ini dikatakan mampu mencegah anak-anak daripada terjerumus ke kancan penyalahgunaan dadah. Sehubungan dengan itu, kajian oleh Teti et al. (2017) juga menemui persamaan dalam cara kawalan oleh ibu bapa ke atas anak-anak mereka untuk mengelakkan penyimpangan sosial. Hasil kajian menunjukkan bahawa ibu bapa menggunakan teguran serta hukuman terhadap anak-anak yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan. Pada kebiasaannya, gaya

keibubapaan akan turut berubah sekiranya berlaku pelanggaran norma dalam kalangan anak-anak kepada gaya yang lebih bersifat autoritarian. Kajian oleh Grido dan Yosef (2020) menunjukkan bahawa ibu bapa cenderung menggunakan gaya keibubapaan authoritarian dalam mendidik anak lelaki mereka untuk menghindari penyalahgunaan dadah. Kajian oleh Kritzas dan Grobler (2005) juga menerangkan bahawa gaya keibubapaan authoritarian mempunyai hubungan signifikan dengan strategi mengatasi masalah sosial dalam kalangan remaja berkulit putih. Hal ini selari dengan pernyataan oleh Mounts (2002) yang menjelaskan bahawa semakin tinggi tahap bimbingan ibu bapa, semakin rendah tahap penyalahgunaan dadah berlaku.

Namun demikian, kajian oleh Cheng et al. (2010), Akoja dan Adefarasin (2019), serta Tiara et al. (2021) menunjukkan bahawa kawalan sosial persuasif adalah lebih berkesan daripada kawalan sosial koersif (paksaan) dalam mengekalkan pemulihan. Ini kerana kawalan sosial persuasif yang dapat dikaitkan dengan peningkatan motivasi, keberkesanan diri, dan pembentukan emosi positif dapat membantu individu merasa lebih terlibat dan komited dalam proses pemulihan mereka (Kadden & Litt, 2011; Grim & Grim, 2019; Shafie et al., 2022). Sebaliknya, kawalan sosial yang bersifat koersif (paksaan) boleh menyebabkan penurunan motivasi, menimbulkan perasaan pengasingan sosial, dan emosi negatif yang boleh menjelaskan usaha pemulihan individu.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, mekanisme kawalan sosial melalui pemberian hukuman dan insentif berperanan penting dalam membentuk tingkah laku positif yang sejajar dengan norma masyarakat. Keberkesanan mekanisme ini terletak pada aplikasi yang disesuaikan, dengan mengambil kira keperluan, motivasi, dan sistem sokongan agen kawalan sosial. Hal ini seterusnya menyumbang kepada pendekatan yang lebih berkesan dan holistik terhadap kawalan sosial dalam konteks pemulihan ketagihan. Walau bagaimanapun, keseimbangan antara pendekatan ini harus dipertimbangkan dengan teliti, iaitu dengan mengambil kira keperluan individu, keutamaan, dan standard etika bagi menyediakan persekitaran yang paling berkesan untuk menyokong proses pemulihan jangka panjang. Secara keseluruhannya, penemuan ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang potensi kawalan sosial sebagai mekanisme untuk membantu peningkatan kadar kekal pulih di Malaysia, serta menekankan kepentingan sistem sokongan yang teguh untuk membantu individu mengekalkan tingkah laku positif dan mengelakkan relaps.

Namun demikian, meskipun perbincangan kajian ini memberikan pandangan secara menyeluruh berkenaan dengan mekanisme kawalan sosial dalam membantu pemulihan penyalahgunaan dadah, terdapat beberapa limitasi yang perlu diambil kira. Pertama, perbincangan hanya tertumpu kepada peranan hukuman dan insentif dalam mekanisme kawalan sosial. Faktor lain yang menyumbang kepada pemulihan berterusan seperti motivasi peribadi, sokongan psikologi, dan ketahanan diri tidak diterokai secara meluas dalam makalah ini. Seterusnya, perbincangan kajian adalah berdasarkan konteks di Malaysia dan mungkin tidak sesuai digunakan di wilayah geografi lain. Wilayah yang berbeza mungkin mempunyai norma sosial dan undang-undang yang berbeza yang boleh mempengaruhi keberkesanan mekanisme kawalan sosial.

Oleh itu, kajian lanjutan berkenaan dengan mekanisme kawalan sosial perlu dijalankan bagi menilai dan meninjau keberkesanan pendekatan yang dapat sepenuhnya membantu individu untuk kekal pulih daripada penyalahgunaan dadah. Selain itu, intervensi yang bersesuaian perlu dibangunkan dan dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan serta motivasi individu yang sedang melalui proses pemulihan, bagi memaksimumkan kesan terhadap peneguhan tingkah laku positif. Sistem sokongan daripada keluarga, komuniti, dan rakan sebaya juga perlu diperkuuhkan bagi menyokong tingkah laku positif serta menyediakan jaringan keselamatan untuk mencegah relaps.

**Penghargaan:** Ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana telah menyokong dalam penghasilan makalah ini sebagai sebahagian daripada perjalanan PhD saya.

**Konflik Kepentingan:** Penulis mengesahkan tiada konflik kepentingan.

## Rujukan

- Abu, H., & Nunung, U. (2011). Mencegah dan menanggulangi penyalahgunaan Napza melalui peran serta masyarakat. *Informasi*, 6(1), 33-46.  
<http://ejournal.kemsos.go.id/index.php/Sosioinforma/article/view/42>
- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). (2016). *Laporan Tahunan 2016*. Kementerian Dalam Negeri.  
<https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/Buku-Laporan-Tahun-2016.pdf>
- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). (2022). *Maklumat Dadah 2022*. Kementerian Dalam Negeri  
[https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/BMD2020\\_BM-eBook\\_compressed.pdf](https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/BMD2020_BM-eBook_compressed.pdf)
- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). (t.t). *Pencegahan*. <https://www.adk.gov.my/pencegahan/institusi-pendidikan-bebas-dadah/>
- Akoja, M., & Adefarasin, T. (2019). Effect of communication intervention strategies on awareness, knowledge and perception of teachers' on substance abuse among adolescents in Yaba/Shomolu local government. *New Media and Mass Communication*, 83, 36-50. <https://doi.org/10.7176/NMMC/83-05>
- Alia, A.A., Huzili, H., Aida, S.I., Siti Intan, D.I., & Noor Aini, Z. (2016, Mei 26-27). Sokongan keluarga dan kecenderungan penagih relaps dalam kalangan penagih dadah. [Sesi persidangan]. *Seminar Psikologi Kebangsaan III*, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
- Andi, J.R., Afrizal, A., Rizanda, M., & Adnil, E.N. (2022). Family involvement-based model in rehabilitation program of substance abuse and its effectiveness in Indonesia: An action research design. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 18(17), 246-252.  
[https://medic.upm.edu.my/upload/dokumen/2023010416513339\\_2021\\_1662.pdf](https://medic.upm.edu.my/upload/dokumen/2023010416513339_2021_1662.pdf)
- Amer, F.M.Y. (2022). Penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand serta kesan terhadap keselamatan ekonomi negara. *ZULFAQAR Journal of Defence Management, Social, Science & Humanities*, 5(1), 24-40. <https://zulfaqarjdmssh.upnm.edu.my/index.php/zjdmssh/article/view/106>
- Amin, A.H.S., & Nurul, A.A.M. (2019). Reliability and validity of adapted Ireland drug related knowledge, attitude and beliefs scale among adolescents in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 9(5), 97-104. <https://doi.org/10.30845/ijhss.v9n5p13>
- Asmah, R. (2018, Februari 22). Perangi dadah habis-habisan. *Harian Metro*.  
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/02/315100/perangi-dadah-habis-habisan>
- Ayu, M., & Eka, V.P. (2022). Pengendalian represif oleh keluarga pada pelaku penyalahgunaan narkoba. *Jurnal Perspektif: Jurnal Kajian Sosiologi dan Pendidikan*, 5(4), 544-552.  
<https://doi.org/10.24036/perspektif.v5i4.688>
- Badger, K., & Royse, D. (2010). Adult burn survivors' views of peer support: A qualitative study. *Social Work in Health Care*, 49(4), 299-313. <https://doi.org/10.1080/00981380903493095>
- Bianca, A.S., & Ria, D.E. (2019). Hubungan dukungan keluarga dengan motivasi untuk sembuh pada pecandu narkoba. *Prosiding Psikologi*, 5(2), 332-440. <http://dx.doi.org/10.29313/.v0i0.16679>
- Carr, P.B., & Steele, C.M. (2009). Inflexible perseverance in sense of community and social support among offenders. *Journal of Experimental Social Psychology*, 45(1), 853-859.  
<http://dx.doi.org/10.1016/j.jesp.2009.03.003>
- Cheng, H.G., Anthony, J.C., & Huang, Y. (2010). Harsh physical punishment as a specific childhood adversity linked to adult drinking consequences: Evidence from China. *Addiction*, 105(12), 2097-2105.  
<https://doi.org/10.1111/j.1360-0443.2010.03079.x>
- Costello, B.J., & Laub, J.H. (2019). Social control theory: The legacy of Travis Hirschi's: Causes of delinquency. *Annual Review of Criminology*, 3, 21-41. <https://doi.org/10.1146/annurev-criminol-011419-041527>
- Eliza, D.N. (2018). Social control of the family on juvenile post-drug rehabilitation relaps behavior. *MASYARAKAT Jurnal Sosiologi*, 23(1), 101-122. <https://doi.org/10.7454/MJS.v23i1.7787>
- Fauziah, I., Ezarina, Z., Nor Jana, S., Salina, N., & Mohd Norahim, M.S. (2017). Faktor-faktor penyumbang ketahanan diri penagih untuk pulih bebas dadah. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(1), 60-74. [https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published\\_article/93949/4.pdf](https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/93949/4.pdf)

- Felson, R.B., & Kreager, D.A. (2015). Group differences in sense of community: What is there to explain in social Support? *Journal of Race and Justice*, 5(1), 58-87. <https://doi.org/10.1177/2153368714546953>
- Grido, H.S., & Yosef, W. (2020). Efektivitas parenting orang tua dalam mencegah penggunaan narkoba bagi remaja putra dan putri. *JI-KES (Jurnal Ilmu Kesehatan)*, 4(1), 16-22. <https://doi.org/10.33006/jikes.v4i1.222>
- Grim, B.J., & Grim, M.E. (2019). Belief, behavior, and belonging: How faith is indispensable in preventing and recovering from substance abuse. *J Relig Health*, 58(5), 1713-1750. <https://doi.org/10.1007/s10943-019-00876-w>
- Hasnizam, H., Norman, Z.C.J.C., & Ramalinggam, R. (2018). Program pemulihan di dalam penjara bagi pesalah jenayah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat, Isu Khas*, 72-85. <https://doi.org/10.17576/juum-2018-special-05>
- Hendra, B.S., Ediwarman, & Isnaini. (2022). Kajian hukum penanganan anak yang melakukan penyalahgunaan narkotika. *Journal of Education, Humaniora, and Social Sciences*, 5(2), 1334-1346. <https://zulfaqarjdmssh.upnm.edu.my/index.php/zjdmssh/article/view/106>
- Horton, P.B., & Chester, L.H. (2000). *Sosiologi jilid II*. Erlangga.
- Hsieh, H.F., & Shannon, S. (2005). Three approaches to qualitative content analysis. *Qualitative Health Research*, 15, 1277-1288. <https://doi.org/10.1177/1049732305276687>
- Idris, A., Shaffie, F., & Mariamdaran, S.D. (2020). Kesan modul intervensi pendekatan terapi realiti terhadap perubahan keyakinan diri berubah dalam kalangan penagih dadah. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 23, 79-92. <https://doi.org/10.32890/jps2020.23.5>
- Idris, A., Shaffie, F., & Mariamdaran, S.D. (2020). Faktor-faktor pencegahan fenomena relapse dalam kalangan pengguna dadah. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 161-168. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.2.185>
- Imam, A.W., & Suryanto. (2018, November 2-3). Dukungan istri kepada suami mantan penyalahguna narkoba pasca rehabilitasi dalam kehidupan yang sehat. *Sesi persidangan TEMILNAS IPS 2018*, Surabaya, Indonesia.
- Ismail, M.K.A., Wan Mohamed, W.N., Mustafa@Busu, Z., Mat Zin, M.N., & Nik Din, N.M. (2022). Penilaian pasca pesalah penyalahgunaan dadah terhadap keberkesanan hukuman. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(49), 35-46. <https://doi.org/10.55573/JISED.074907>
- Jabatan Penjara Malaysia. (2012). *Sejarah Penjara*. Diakses Februari 20, 2024, daripada <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hij>
- Jaidin, Z.H. (2020). Kepentingan sokongan sosial dalam mengukuhkan kawalan sosial terhadap bekas pengguna dadah: Satu kajian sorotan literatur. *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 8(2), 175-188. <https://journals.mindamas.com/index.php/susurgalur/article/view/1364/1182>
- Johanna, B., Folk, D.M., June, T., Jeffrey, S., & Kelly, E.M. (2016). Connectedness to the criminal community and the community at large predicts 1-year post-release outcomes among felony offenders. *European Journal of Social Psychology*, 46(3), 341-355. <https://doi.org/10.1002/ejsp.2155>
- Juliana, J., & Zhooriyati, S.M. (2020). Self concept of female adolescents offenders in juvenile detention centers in Tangerang, Indonesia. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 5(1), 1-11. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JSS/article/view/652/516>
- Kadden, R.M., & Litt, M.D. (2011). The role of self-efficacy in the treatment of substance use disorders. *Addict Behav*, 36(12), 1120-1126. <https://doi.org/10.1016/j.addbeh.2011.07.032>
- Knyazev, G.G. (2010). Reward seeking as a predictor of drug use in youth: Effect of gender and social environment. *Open Addiction Journal*, 3, 1-8. <https://doi.org/10.2174/1874941001003010001>
- Kritzas, N., & Grobler, A.A. (2005). The relationship between perceived parenting styles and resilience during adolescence. *Journal of Child and Adolescent Mental Health*, 17(1), 1-12. <https://doi.org/10.2989/17280580509486586>
- Kotaman, H. (2016). Impact of rewarding and parenting styles on young children's cheating behavior. *European Journal of Developmental Psychology*, 14(2), 127-140. <https://doi.org/10.1080/17405629.2016.1173537>

- Lik, L.S. (2018). Mengukur tahap sokongan sosial keluarga, rakan sebaya, dan masyarakat dalam kalangan penghuni dadah yang sedang mendapatkan rawatan secara sukarela di Klinik. *International Journal of Social Policy and Society*, 14, 127-139. <https://ijspes.ism.gov.my/IJSPS/article/view/141/138>
- Ma, X., & Fan, X. (2022). A review of the studies on social media images from the perspective of information interaction. *Data and Information Management*, 6(1), 100004. <https://doi.org/10.1016/j.dim.2022.100004>
- Mahmood, N.M., Maizurah, Z., & Salleh, H.G. (2009). Keberkesanan modul Model Matrix untuk pemulihan penagih dadah dalam setting komuniti: Laporan kajian perintis di AADK Muar, Kota Bahru dan Kota Kinabalu. *Jurnal Antidadah Kebangsaan*, 6(2). [https://www.adk.gov.my/html/pdf/jurnal/2009/jurnal\\_3.pdf](https://www.adk.gov.my/html/pdf/jurnal/2009/jurnal_3.pdf)
- Mayalagu, G., Ahmad, R., Zamani, Z., Amat, S., & Abu Bakar, A.Y. (2020, November 9-10). Community perception and acceptance of former drug addicts. *Sesi persidangan 13th Annual International Conference of Education, Research and Innovation*, Online Presentation. <https://doi.org/10.21125/iceri.2020.2201>
- McGovern, M.P., & Carroll, K.M. (2003). Evidence-based practices for substance use disorders. *The Psychiatric Clinics of North America*, 26(4), 991-1010. [https://doi.org/10.1016/s0193-953x\(03\)00073-x](https://doi.org/10.1016/s0193-953x(03)00073-x)
- Miller, W.R., & Rollnick, S. (2013). *Motivational interviewing: Preparing people for change*. Guilford Press.
- Mohd Alif, J., Siti Hajar, A.B.A., Jal Zabdi, M.Y., Khariyah, M.S., Noralina, O., & Zaiton, A. (2018). Kekurangan akses kepada jagaan lanjutan dan faktor-faktor risiko yang membawa kepada relaps dadah dalam kalangan bekas banduan. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 10(2), 34-44. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1784>
- Mohd Ahsani, A.M., & Mohamad Irfan, M.Z. (2022). Penyisihan pekerjaan dan kesejahteraan psikologi penghuni penjara. Dlm. Mohd Ahsani, A.M., & Mohamad Irfan, M.Z. *Penyisihan Sosial Kumpulan Marginal*. (128-149). UUM Press.
- Mohamad Hafifi, J., Jamilah, A., Nurzali, I., & Darshan, S. (2021). Keberkesanan media sosial dan strategi keunikannya bagi kempen bahaya penyalahgunaan dadah. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(3), 111-133. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3703-07>
- Mohamad Hilmi, M.S., Paridah, M.A., Fara, H.M.S., Siti Norni, M.D., & Nur Azila, O. (2021). Faktor-faktor yang mempengaruhi relaps Orang Kena Pengawasan (OKP) dalam penagihan dadah: Kajian kes di Felda Keratong. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 10(2), 37-47. [https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i\(S2\).6246](https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i(S2).6246)
- Mohammad Aziz, S.B.M.A., Muzaffar, S.B.H.M.G., Abdul, M.B.A.R., Ahmad, J.B.J., Syed, S.B.S.S., & Muhamad, B.B.M. (2015). Kesan program pencegahan dadah berdasarkan Modul Pengubahsuaian Corak Pemikiran (PCP) ke atas daya tahan dan kelangsungan dalam kalangan belia berisiko. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 9(1).
- Mohd Ibrani, A.A., Mohamad, F.A.L., & Mohd, R.R. (2011). Fenomena pengulangan penagihan dadah dalam kalangan banduan belia di Penjara Pulau Pinang. *Malaysian Journal Youth Studies*, 4, 147-165. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/22634/>
- Mounts, N.S. (2002). Parental management of adolescent peer relationships in context: The role of parenting style. *Journal of Family Psychology*, 16(1), 58-69. <https://doi.org/10.1037/0893-3200.16.1.58>
- Muhammad Izzuddin, A.I., & Nur Hafizah, Y. (2020). Komuniti sebagai agen kawalan sosial tidak formal dalam menangani masalah sosial. *e-BANGI:Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(6), 80-92. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/40890>
- Muhammad Khairi, N.E., & Azlina, A. (2021). Peranan keluarga dalam kawalan sosial tingkah laku devian mahasiswa. *e-BANGI:Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(2), 162-180. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1377>

- Muhsin, H.R., & Muhsin Fa'iz, A. (2011). Pengharapan pelatih pusat serenti terhadap latihan vokasional di Pusat Serenti Tampoi Johor. *Journal of Educational and Counseling*, 2, 209-243. <http://eprints.utm.my/13388/1/JEPC-2011-2-008.pdf>
- Narwoko, J.D., & Bagong, S. (2004). *Sosiologi teks pengantar dan terapan*. Kencana.
- Neale, J., & Brown, C. (2016). We are always in some form of contact: Friendships among homeless drug and alcohol users living in hostels. *Health and Social Care in the Community*, 24(5), 557-566. <https://doi.org/10.1111/hsc.12215>
- Nur Diyanah, H., & Siti Marziah, Z. (2018). Isu dan halangan bagi bekas pesalah untuk bekerja: Satu perspektif. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3), 62-68. <https://spaj.ukm.my/pppm/jpm/article/view/411/346>
- Putranto, A.D., & Suyatmi, S. (2015). Kontrol sosial tim pencegahan, pemberantasan, penyalahgunaan dan peredaran gelap narkoba (P4GN) dan komunitas terhadap bahaya penyalahgunaan narkoba di Kabupaten Sukoharjo. *Jurnal Sosiologi DILEMA*, 30(1), 1-16.
- Rokiah, I. (2002). Kawalan sosial dan pelbagai dimensi fungsinya dalam strategi menangani jenayah dan delinkuensi di Malaysia. Dlm. Rahimah, A.A., & Mohamed, Y.I. (eds.). *Masyarakat, Budaya dan Perubahan* (hlm. 88-109). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roselina, H.Y. (2006). *Merintis dedenai pulang: Monograf perjalanan kepulangan bekas penagih 1*. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Rusniah, A., Samihah, K., Siti Alida, J.A., Aspalela, A.R., Yusramizza, M.I., Nasyran, A., & Rood, N.M.S. (2009). Undang-undang rawatan dan pemulihan dari sudut pandangan global: Suatu perbandingan. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 6(2). <http://www.adk.gov.my/web/guest/2009-jilid6>
- Setiadi, E.M., & Kolip, U. (2011). *Pengantar sosiologi: Pemahaman fakta dan gejala permasalahan sosial: Teori, aplikasi dan pemecahannya*. Kencana Prenada Media.
- Setiyani, A., & Keliat, B.A. (2019). Motivasi remaja untuk mengikuti program rehabilitasi Napza. *Jurnal Ilmu Kesehatan*, 12(2), 543-553. <https://doi.org/10.48144/jiks.v12i2.169>
- Shafie, A.A.H., Yasin, N.M., Aziz, A.R.A., Yasid, A.F.M., & Yunus, A. (2022). Kekal pulih, faktor risiko dan faktor perlindung dalam kalangan bekas pesakit penyakit penyalahgunaan dadah. *International Journal of Social Science Research*, 4(1), 58-76. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr/article/view/17002>
- Shahrabadi, S., Jalali, A., Jalali, R., & Gholami, A. (2020). Psychological, social, and motivational factors in persons who use drugs. *Subst Abuse Treat Prev Policy*, 15(32). <https://doi.org/10.1186/s13011-020-00273-7>
- Sheppard, A., & Ricciardelli, R. (2020). Employment after prison: Navigating conditions of precarity and stigma. *European Journal of Probation*, 12(1), 34-52. <https://doi.org/10.1177/2066220320908251>
- Siahaan, J.M.S. (2009). *Perilaku menyimpang: Pendekatan sosiologi*. PT Indeks.
- Siti Jamiaah, A.J., Yusmini, M.Y., & Rozmi, I. (2016). Peranan program keagamaan terhadap pemulihan konsep kendiri banduan wanita di Malaysia. *Afkar*, 18(2), 193-228. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol18no2.5>
- Sigurdsson, S.O., Ring, B.M., O'Reilly, K., & Silverman, K. (2012). Barriers to employment among unemployed drug users: Age predicts severity. *The American Journal of Drug and Alcohol Abuse*, 38(6), 580-587. <https://doi.org/10.3109/00952990.2011.643976>
- Siti Marziah, Juliana, R.J., & Nor Hazila. (2018). Employment issues among ex-offenders: Difficulties in securing employment and barriers of employment. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, 8-12.
- Siti Marziah, Z., Juliana, R.J., Norulhuda, S., Mohd, N.S., & Noordeyana, T. (2020). Impak terapi kerja dalam membantu proses kepulihan klien CCRC. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(2), 67-80. <https://journalarticle.ukm.my/14899/1/562-2055-1-SM.pdf>
- Siti Waridah, & J. Sukardi. (2003). *Sosiologi 1*. Bumi Aksara.
- Soerjono Soekanto. (2007). *Pengendalian sosial dalam masyarakat*. Rajawali Pers.

- Syam, S., Zakaria, H.A., & Muhammad, R. (2020). Kontrol sosial masyarakat terhadap perilaku menyimpang remaja (Kasus pacaran di Taman Syariah Kota Parepare). *Hasanuddin Journal of Sociology (HJS)*, 2(1), 61-72. <https://doi.org/10.31947/hjs.v2i1.9778>
- Teti, R.S., Sulistyarini, & Imran. (2017). Pengendalian sosial orang tua pada anak dalam menggunakan Smartphone di Dusun Sadong Kecamatan Sungai Ambawang. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Untan*, 6(9), 1-8. <http://dx.doi.org/10.26418/jppk.v6i9.21509>
- Tiara, N.R., Elfie, M., & Stefi, H.H. (2021). Komunikasi persuasif konselor dengan residen narkoba dalam menunjang keberhasilan rehabilitasi di Institusi Penerima Wajib Lapor (IPWL) Kalooran Tampusu Kabupaten Minahasa. *Acta Diurna Komunikasi*, 3(3), 1-8. <https://ejournal.unsrat.ac.id/v3/index.php/actadiurnakomunikasi/article/view/34160>
- Vivik, S. (2018). Gambaran konsep diri dan attachment ibu anak kasus narkoba. *Marwah: Jurnal Perempuan, Agama dan Jender*, 17(1), 20-31. <http://dx.doi.org/10.24014/marwah.v17i1.4678>
- Wan Shahrazad, W.S., Mohammad, R.K., Ezarina, Z., Fauziah, I., Nazirah H., Salina, N., Jamiah, M., Zainah, A.Z., & Fatimah, Y. (2021). Sokongan sosial dan kesihatan mental dan pengaruhnya terhadap kerentanan penglibatan penagih dadah serta pelencongan sosial dalam kalangan remaja. *e-BANGI:Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(5), 244-259. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/49498>
- Wesselmann, E.D., & Parris, L. (2021). Exploring the links between social exclusion and substance use, misuse, and addiction. *Frontiers in Psychology*, 12, 674-743. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.674743>
- Wincup, E. (2017). More carrots, less sticks: The role of incentives in drug treatment. *Addiction*, 112, 761-762. <https://doi.org/10.1111/add.13667>
- Wu, G., Liu, J., Boateng, F.D., Cui, S., & Shuai, H. (2020). Do social bonds matter? Social control theory and its relationship to desistance from substance abuse in China. *Journal of Drug Issues*, 5(1), 60-67. <https://doi.org/10.1177/0022042620957020>
- Zarina, O., Nor Azizan, I., & Mohamad, D.D. (2015). Penyalahgunaan dadah sebagai ancaman keselamatan: Analisis keberkesanan program kerajaan dalam mengekang pengkreutan penagih dadah di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(13), 60-71.
- Zulkhairi, A., & Mahmood, N.M. (2007). Keberkesanan program kaunseling rawatan dan pemulihan dadah dari perspektif penghuni Pusat Serenti. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 2(2). <https://core.ac.uk/download/pdf/12116756.pdf>